

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK DR.  
HAJAH ROZIAH  
MOHD JANOR**

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
ANTARA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
DENGAN  
URUSAN TEKNOLOGI WAWASAN SDN. BHD.**

**13 APRIL 2023 | KHAMIS | 2.30 PETANG**

**MENARA 2, KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN  
UiTM SHAH ALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## Salutasi

### **Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, dapatlah kita bersama-sama berada dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Urusan Teknologi Wawasan Sdn. Bhd. (UTW).
2. Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada Kolej Pengajian Kejuruteraan atas komitmen dan usaha berterusan dalam meningkatkan kerjasama antara UiTM dengan pihak-pihak berkepentingan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Dalam menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini ke arah menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, UiTM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kerjasama dengan pihak industri termasuklah UTW.

4. Kerjasama antara UiTM dengan UTW ini adalah di bawah projek pembangunan pendidikan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat yang merangkumi beberapa perkara, antaranya;

- i. Penempatan Latihan Industri untuk pelajar Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) dan tawaran kerja untuk Alumni KPK.
- ii. Program Mobiliti Staf atau Pelajar KPK ke UTW.
- iii. Program Peningkatan Kebolehpasaran daripada Staf UTW.
- iv. Perkongsian ilmu dan kolaborasi dalam aktiviti penyelidikan atau perundingan; dan

- v. Kolaborasi dalam membangun serta mengoptimalkan penggunaan kepakaran pada tahap profesionalisme menerusi kerjaya masing-masing.

**Hadirin sekalian,**

5. Saya berharap kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam membantu pelajar dan graduan KPK khususnya, dan staf dan pengurusan KPK secara umumnya. Akhirnya, ia dapat membantu menjadikan UiTM sebuah universiti yang lebih mampan dalam mencapai objektif serta matlamat organisasinya.

6. Akhir kata, sekali lagi terima kasih saya ucapkan kepada pihak UTW dalam menjayakan kerjasama ini.

7. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam memastikan kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

8. Semoga segala perancangan yang telah diatur dapat kita laksanakan dengan sebaiknya dan kerjasama

ini dijadikan asas kepada perkongsian ilmu yang bergerak secara terus dengan perkembangan yang memberikan manfaat positif kepada kedua-dua belah pihak.

**Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**